

Dasar berbaik kekal — PM

JM 12 DEC 2003

SUBANG 12 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua pemimpin ASEAN telah menyuarakan hasrat untuk meneruskan hubungan baik yang sedia ada dengan pentadbiran baru Malaysia di bawah pimpinannya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau telah memberikan jaminan kepada para pemimpin negara serantau bahawa Malaysia bukan sahaja akan mengekalkan hubungan yang ada malah mahu memperluaskannya lagi pada masa akan datang.

“Mereka menyuarakan harapan supaya saya akan teruskan hubungan baik yang telah sedia dijalin dengan negara-negara ASEAN.

“Saya tidak ada masalah mengenainya malah adalah menjadi hasrat saya untuk meneruskan dasar berbaik-baik, bekerjasama dan bermuafakat.

“Saya juga akan berusaha supaya hubungan dua hala dapat diperluaskan lagi pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sebaik pulang dari lawatan dua hari ke Tokyo bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini hari ini.

Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Hadir untuk menyambut kepulangan Abdullah ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Ng Yen Yen.

Menurut Abdullah, beliau telah mengambil peluang untuk bertemu dengan semua pemimpin ASEAN pada sidang kemuncak berkenaan memandangkan ia merupakan lawatan rasmi yang pertamanya ke luar negara selepas dilantik Perdana Menteri.

Semua pemimpin berkenaan, tambah beliau, memberi maklum balas yang positif terhadap pelantikannya bagi menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

“Saya jumpa mereka semua melainkan (pemimpin) Kemboja kerana keadaan masa yang tidak sesuai.

“Mereka mengalu-alukan serta mengucapkan tahniah kepada saya (atas pelantikan saya) memegang jawatan Perdana Menteri daripada Dr. Mahathir,” kata Abdullah.